
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2008/2009

November 2008

YBP 224 – Perhubungan Awam

Masa: 2 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat bercetak.

Jawab **DUA (2)** soalan.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

...2/-

1. Jawab **LIMA (5)** dari soalan-soalan di bawah.
 - (a) Bincangkan empat kemahiran yang diperlukan dalam perhubungan awam sebagaimana yang dinyatakan oleh pengamal perhubungan awam.
 - (b) Huraikan model-model perhubungan awam yang dikemukakan oleh Grunig dan Hunt (1984) mengikut era perkembangannya.
 - (c) Penerbitan dalaman adalah alat komunikasi yang penting, jelaskan kegunaan penerbitan dalaman dengan memberikan contoh.
 - (d) Bincangkan matlamat dan aktiviti perhubungan awam untuk kerajaan .
 - (e) Pembangunan adalah aktiviti perhubungan awam untuk NGO. Bincangkan prinsip-prinsip mengumpul dana untuk NGO bagi memastikan kejayaan kempen pungutan dana yang dijalankan.
 - (f) Apakah etika perhubungan awam dan huraikan peranan pengamal perhubungan awam dalam aspek ini.
 - (g) Bincangkan sebab-sebab perlunya pengamal perhubungan awam memahami pendapat publik.

2. Syarikat anda menghadapi masalah kredibiliti kerana produk kecantikan yang dihasilkan dikatakan beracun. Khabar angin ini bermula dari internet. Akibatnya jualan produk menjunam dan imej syarikat terjejas. Selaku pengamal perhubungan awam anda perlu menangani isu ini dengan mengaplikasikan proses perhubungan awam.
 - (a) Huraikan langkah-langkah dalam proses perhubungan awam dengan mencadangkan program-program yang akan dilaksanakan bagi mengatasi isu ini.
 - (b) Bincangkan kaedah penyelidikan yang akan digunakan untuk mengumpul maklumat berkenaan isu ini

3. Sebuah organisasi telah diberikan anugerah syarikat terkemuka untuk tahun 2007. Syarikat itu perlu memaklumi publik-publiknya tentang penganugerahan tersebut untuk meningkatkan daya saing dan memikat pelabur baru.
 - (a) Huraikan publik-publik yang perlu dimaklumkan dengan memberikan justifikasi.
 - (b) Rancangkan beberapa publisiti yang boleh dilakukan untuk menghebahkan pencapaian syarikat dengan mengambilkira beberapa aktiviti-aktiviti perhubungan awam korporat.
 - (c) Tulis siaran media untuk anugerah ini.